

Dasar Pemberian Maklumat PETRONAS

Pernyataan Dasar

PETRONAS adalah sebuah organisasi yang komited untuk menunjukkan tahap standard integriti, keterbukaan dan kebertanggungjawapan yang tinggi dalam pengendalian perniagaan dan operasinya. PETRONAS berhasrat untuk mengendalikan urusannya dengan cara yang beretika, bertanggungjawab dan telus.

Dengan mengakui komitmen serta nilai-nilai di atas, PETRONAS telah menyediakan cara bagi semua kakitangan PETRONAS dan orang awam untuk mendedahkan apa-apa tingkah laku tidak wajar yang berlaku atau berkemungkinan berlaku di dalam PETRONAS.

Objektif Dasar


Dasar ini adalah untuk menyediakan cara bagi semua kakitangan PETRONAS dan orang awam untuk mendedahkan apa-apa tingkah laku tidak wajar mengikut prosedur-prosedur seperti yang diperuntukkan di bawah Dasar ini dan untuk memberikan perlindungan kepada kakitangan dan orang awam yang melaporkan dakwaan tersebut.

Skop Dasar

Dasar ini bertujuan bagi memudahkan kakitangan dan orang awam untuk mendedahkan apa-apa tingkah laku tidak wajar (salah laku atau kesalahan jenayah) melalui saluran dalaman. Salah laku atau kesalahan jenayah tersebut merangkumi perkara berikut:

- i. Penipuan;
- ii. Penyogokan;
- iii. Salah Guna Kuasa;
- iv. Konflik Kepentingan;
- v. Kecurian atau penggelapan;
- vi. Salah guna Harta Syarikat;
- vii. Ketidakpatuhan Prosedur.

Senarai di atas adalah tidak secara menyeluruh kerana ianya boleh merangkumi apa-apa perbuatan atau pengabaian, yang jika dibuktikan, akan merupakan suatu perbuatan salah laku di bawah Tatakelakuan dan Etika Perniagaan (CoBE) PETRONAS atau mana-mana kesalahan jenayah di bawah undang-undang relevan yang sedang berkuat kuasa. Dasar ini bukan untuk menjadikan Prosedur Ketakpuashatian dan/atau Proses dan Prosedur Tindakan Tatatertib (DAPP) tidak sah, tetapi adalah untuk menambah atau memberi lebih banyak pilihan atau cara bagi kakitangan dan orang awam untuk mendedahkan tingkah laku tidak wajar yang dilakukan atau berkemungkinan akan dilakukan kepada Syarikat. Di samping Dasar ini, prosedur-prosedur yang ditetapkan seperti yang termaktub dalam Perjanjian-perjanjian Kolektif, Buku Panduan Eksekutif dan CoBE hendaklah sentiasa berkuat kuasa berdasarkan tujuan dan objektif kewujudannya.



Datuk Tengku Muhammad Taufik

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS

Pemakaian Dasar

Dasar ini terpakai untuk setiap kakitangan, pengarah dan pegawai PETRONAS. Syarikat usaha sama yang mana PETRONAS bukan merupakan pihak berkepentingan yang mengawal, dan syarikat bersekutu PETRONAS, adalah digalakkan supaya menerima pakai Dasar ini, manakala kontraktor, ejen, kakitangan sumber luar dan rakan perniagaan kami adalah dikehendaki supaya selalu bertindak selaras dengan Dasar ini yang secara otomatisnya terpakai apabila berurusan dengan, bertindak bagi pihak atau atas nama PETRONAS. Dasar ini juga terpakai untuk orang awam, jika berkenaan.

Prosedur untuk Membuat Pendedahan

Semua pendedahan perlu dilaporkan melalui saluran yang selamat dan sulit mengikuti prosedur-prosedur seperti yang diperuntukkan di bawah Dasar ini.

Perlindungan kepada Pemberi Maklumat

Seseorang pemberi maklumat akan diberikan perlindungan kerahsiaan identiti, setakat mana yang semunasabinya boleh dilaksanakan. Tambahan lagi, seseorang kakitangan yang memberikan maklumat secara dalaman juga akan dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan atau menjelaskan kerana mendedahkan apa-apa tingkah laku tidak wajar yang dilakukan, atau akan dilakukan dalam PETRONAS, setakat mana yang kemunasanabannya boleh dilaksanakan, dengan syarat bahawa pendedahan itu dibuat dengan niat baik. Perlindungan tersebut tetap diberikan walaupun penyiasatan kemudianya mendedahkan bahawa pemberi maklumat tersilap berkenaan dengan fakta, peraturan atau prosedur-prosedur yang terlibat.

Pemberi Maklumat Tanpa Nama

Mana-mana kakitangan atau orang awam yang ingin melaporkan tingkah laku tidak wajar boleh melaporkan tanpa nama.

Pemberitahuan

Apabila anda melaporkan sesuatu kebimbangan atau dakwaan tingkah laku tidak wajar, anda boleh menjangkakan bahawa laporan anda akan diambil tindakan dengan serius, adil dan segera. Anda boleh menjangkakan akan mendapat maklumat kemas kini semasa dan apabila selesainya penyiasatan kami, melainkan jika kami berpendapat bahawa pendedahan mungkin akan menghalang penyiasatan.

PETRONAS mempunyai hak untuk meminda Dasar ini dari semasa ke semasa.